

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA
TM. 150/2026

10 JUN 2026

MOTAC DAN JPJ BUKA BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA (NPI) 'V 1 MY' HINGGA 'V 9999 MY' SEMPENA VM 2026

PUTRAJAYA — Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memperkenalkan nombor pendaftaran istimewa (NPI) siri 'V – MY'. Peluncuran nombor pendaftaran istimewa ini diperkenalkan sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) dan bidaan akan bermula 13 Jun 2026 sehingga 17 Jun 2026, pukul 10.00 malam.

Majlis peluncuran Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) siri 'V-MY' telah disempurnakan oleh YB Tuan Chiew Choon Man, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, yang mewakili Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, sebagai simbolik sokongan serta usaha mempergiatkan promosi Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Menurut YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, "Kerjasama ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh penyertaan agensi Kerajaan, pihak swasta, dan masyarakat dalam menyokong agenda nasional ini. Justeru, MOTAC bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memperkenalkan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) 'V 1 MY' hingga 'V 9999 MY' sempena VM2026.

Penawaran NPI ini akan dilaksanakan oleh JPJ melalui bidaan secara dalam talian di Sistem JPJeBid, tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada serta harga minimum yang ditetapkan oleh JPJ.

Harga bidaan dalam JPJeBid yang telah ditetapkan adalah seperti ketetapan berikut:

Kategori	Harga Minima
Nombor Bernilai Utama (<i>Golden</i>)	RM 20,000.00
Nombor Premium	RM 5,000.00
Nombor Menarik (<i>Attractive</i>)	RM 2,500.00
Nombor Popular (<i>Popular</i>)	RM 500.00
Nombor Biasa (<i>Running</i>)	RM 300.00

Inisiatif ini membuka ruang kepada penyertaan orang awam untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran terhadap kempen VM2026, di samping menjadi media promosi

bergerak yang berkesan bagi jenama VM2026. Kerjasama MOTAC dan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh penyertaan agensi Kerajaan, pihak swasta, dan masyarakat dalam menyokong agenda nasional ini.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Akbal Setia
Ketua Sekretariat
Sekretariat Visit Malaysia 2026
akbalsetia@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8000

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

